

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 January 2016

Dr. Mahathir sedih kenang pemergian Tun Abdul Razak

UM - 20/1/2016

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menganggap pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein 40 tahun lalu sebagai satu peristiwa yang bersifat amat peribadi.

Beliau berkata, perasaan sedih pasti timbul setiap kali mengenangkan jasa Perdana Menteri kedua itu terhadapnya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau pernah disingkirkan daripada UMNO dan pemimpin yang melalui pengalaman serupa sebelum itu tidak kembali ke pangkuan parti manakala masa depan mereka dalam politik menjadi malap.

"Tun Abdul Razak bukan sahaja membenarkan saya kembali menyertai UMNO, malah beliau melantik saya sebagai seorang menteri penuh.

"Saya digambarkan sebagai anak emas Allahyarham dan perkara itu mencetuskan kemarahan ramai orang kuat dalam UMNO," katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau (<http://chedet.cc>) semalam.

Beliau juga mengakui tidak dapat mengawal kesedihannya ketika menonton do-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

kumentari tentang kisah hidup Abdul Razak di televisyen.

Dr. Mahathir menambah, era kepemimpinan Allahyarham merupakan masa yang hebat yang mana para pemimpin negara amat berdedikasi dalam usaha membangunkan negara serta menangani jurang perbezaan dalam kalangan masyarakat.

Beliau memberitahu, Abdul Razak bukan sahaja mem-

perkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), malah mengurangkan kebergantungan negara terhadap Komanwel dan melakukan perubahan besar dengan melawat Rusia serta China.

"Amat menyedihkan Allahyarham meninggalkan kita terlalu awal," ujarnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, sebagai seorang doktor, beliau menyedari masalah kesihatan yang dihadapi oleh Abdul Razak sejak dari awal.

Menurut beliau, Abdul Razak memberitahunya tentang penyakit leukemia yang dihidapi dalam satu majlis di bangunan Parlimen, sebelum beliau berlepas ke United Kingdom.

"Allahyarham meminta saya bercakap dengan doktornya, Dr. Macpherson. Saya berbuat demikian dan mendapat tahu tempoh remisinya semakin pendek. Beliau tidak mampu bertahan lama.

"Namun, saya masih terkejut apabila mendengar beliau telah meninggal dunia. Malaysia benar-benar kehilangan seorang pemimpin yang hebat dan beliau berupaya melakukan perubahan sebenar terhadap masa depan negara ini," jelasnya.

Dr. Mahathir pada mulanya menyangka kerjaya politiknya akan berakhir selepas Abdul Razak meninggal dunia kerana beliau tidak pernah rapat dengan Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn.

"Tetapi apa yang saya bimbangkan itu tidak berlaku kerana Tun Abdul Razak telah berkata sesuatu yang baik tentang saya kepada Tun Hussein," katanya.



TUN ABDUL RAZAK